

20 FEBRUARI 2018

Rampas dadah RM4.3 juta

KOSMO! SELASA 20 FEBRUARI 2018

NEGARA 17

Polis tahan 16 individu termasuk ahli kongsi gelap Geng 36

Rampas dadah RM4.3 juta

Oleh ZULKIFLI MANZOR

REMBAU – Polis menahan 16 individu dan merampas pelbagai jenis dadah bernilai kira-kira RM4.3 juta dalam dua operasi berasingan di Negeri Sembilan dan Selangor baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, kesemua yang ditahan berusia 25 hingga 42 tahun itu merupakan ahli sebuah sindiket dadah termasuk lapan ahli kongsi gelap Geng 36.

Katanya, dalam operasi pertama pada 13 Februari lalu, polis menyerbu enam buah lokasi dan menahan 12 individu di sekitar Negeri Sembilan dan Selangor. Jelas beliau, lokasi awal yang

diserbu dalam operasi pertama itu ialah sebuah ladang ternakan lembu di Kampung Kundur Tengah, Pedas di sini yang dijadikan makmal memproses dadah jenis syabu.

"Kita menahan lima individu termasuk tiga lelaki warga India dan merampas pelbagai jenis alatan serta bahan kimia untuk memproses dadah di ladang itu.

"Polis seterusnya menahan empat lelaki di Bandar Teknologi Kajang, Selangor bersama pelbagai bahan kimia untuk memproses dadah," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Rembau di sini semalam.

Mohamad berkata, polis kemudian menahan seorang lelaki di Taman Sungai Jelok, Kajang dan seorang lagi lelaki dan seorang

wanita di Taman Raintree, Batu Caves sebelum merampas 26.52kg dadah disyaki syabu di Taman Cempaka, Ampang.

Sementara itu katanya, dalam operasi kedua pada 14 Februari lalu, polis melakukan serbuan di Bukit Jelutong, Shah Alam dan menahan empat lagi suspek tersebut termasuk seorang wanita dan merampas 47.3kg ganja.

"Kita turut menyita tujuh buah kereta, sebuah motosikal, mata wang India 4,660 Rupees, wang tunai berjumlah RM4,721 dan lima akaun bank yang dibekukan.

"Kesemua yang ditahan direman di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.



MOHMAD (tiga dari kanan) menunjukkan sebahagian daripada bahan-bahan memproses dadah yang dirampas pada sidang akhbar di IPD Rembau semalam.